

# BERTANGGUNGJAWAB DENGAN PERKONGSIAN MAKLUMAT



## APAKAH MAKSUD BERKONGSI SECARA BERTANGGUNGJAWAB?

Apabila anda berkongsi secara bertanggungjawab, anda memastikan bahawa maklumat yang anda sampaikan kepada masyarakat anda adalah sah, membina dan bermanfaat kepada orang lain.

## APAKAH KESAN BERKONGSI SECARA TIDAK BERTANGGUNGJAWAB?

Berkongsi maklumat secara tidak bertanggungjawab boleh membawa pelbagai akibat yang negatif:

### Berita bohong dan penipuan:

- Apabila kita berkongsi maklumat yang tidak disahkan, ia boleh mengelirukan orang lain untuk mempercayai berita bohong dan terpedaya oleh penipuan.
- Pada Mac 2020, satu e-mel palsu oleh "Perdana Menteri Lee Hsien Loong" yang menggalak pembaca agar memberi respon dengan "sumbangan dan pandangan" telah diedarkan dalam talian.
- Dengan membalas e-mel palsu itu, responden akan menjadi mangsa penipuan pemancingan data dimana penggadam dan penjenayah dapat mengakses maklumat peribadi mereka.

### Menyebarkan rasa takut:

- Berkongsi maklumat yang tidak benar juga boleh menyebarkan rasa takut.
- Pada April 2020, satu mesej telah disiarkan dalam sebuah kumpulan Facebook yang mendakwa bahawa penjaja makanan dan kedai kopi akan ditutup, dan pasar raya hanya dibuka dua hari seminggu.
- Pos itu juga mendorong ahli dalam kumpulan tersebut untuk menyimpan bekalan secara berlebihan untuk kegunaan sebulan.
- Maklumat yang tidak berasas ini boleh menimbulkan kecemasan orang ramai dan mengakibatkan pembelian secara panik.



#JadiBijak

Hati-hati Apa yang Anda Kongsi

Disokong oleh:



Dibantu oleh:

SG:D | GET READY!




### Persekitaran siber yang negatif:

- Apabila kita kongsi kandungan dan komen negatif dalam talian mengenai orang lain, ia mencetus kesan mendalam pada perasaan dan emosi mereka.
- Pandemik COVID-19 telah mewujudkan ramai 'pengawal keselamatan' dalam talian yang mengambil tindakan ekstrem dengan melaporkan individu yang melanggar peraturan jarak selamat.
- Sebahagian daripada mereka bersemuka dan merakam video individu yang mereka percaya tidak mematuhi peraturan, dan dalam kes yang ekstrem, memalukan dan mendera mangsa secara lisan.

## BAGAIMANAKAH CARA BERKONGSI SECARA BERTANGGUNGJAWAB?

Sebelum anda berkongsi, F.I.K.I.R. dua kali dan tanya diri sendiri yang berikut:



### ADAKAH IA BENAR?

- Periksa sumber dan saluran berita lain yang boleh dipercayai untuk memastikan sama ada kandungannya benar.
- Semak cerita tersebut melalui laman web seperti Factually (bagi kandungan berkaitan Singapura), FactCheck atau Snopes bagi kandungan antarabangsa.
- Untuk memeriksa sama ada kandungan atau mesej yang tidak disahkan adalah satu penipuan, layari scamalert.sg atau hubungi talian Anti-Scam di 1800-772-6688.

### ADAKAH IA BERMANFAAT?

- Sebelum anda mengongsikannya, baca secara lengkap dan nilaikan jika artikel tersebut adalah sumber maklumat yang berguna.
- Fikirkan motif pencipta kandungan tersebut sebelum anda kongsi. Individu dengan agenda tersendiri boleh menyampaikan pendapat sebagai fakta semasa menghasilkan kandungan.
- Berita palsu dan penipuan juga boleh menarik perhatian mangsa dengan tawaran-tawaran yang terlalu bagus. Walaupun anda fikir anda sedang kongsi tawaran hebat dengan rakan-rakan, sebaiknya sahkan terlebih dahulu.



#JadiBijak

**Hati-hati Apa yang Anda Kongsi**

Disokong oleh:



Dibantu oleh:

SG:D | GET READY!






## ADAKAH IA MENGINSPIRASIKAN?

- Pertimbangkan jika kandungan tersebut membantu mendorong orang lain untuk bertindak secara positif, dan jika ia menyokong kerja amal yang anda percayai.
- Fikirkan sama ada anda akan merasa bangga nama anda dikaitkan dengan pencipta kandungan atau komen yang anda kongsi.
- Menyumbang kepada dunia siber dengan positif bermakna kita berkongsi kandungan yang akan memberi inspirasi dan semangat kepada orang lain.

## ADAKAH IA PERLU?

- Sebelum berkongsi sebarang maklumat, pertimbangkan sama ada apa yang anda kongsi itu bermanfaat untuk masyarakat.
- Juga, pertimbangkan sama ada pendapat yang ingin anda kongsi akan memberi kesan negatif kepada sesiapa.
- Elakkan berkongsi maklumat peribadi secara berlebihan, seperti nombor telefon, alamat dan tarikh lahir anda.
- Ingat bahawa teks, video, dan mesej peribadi anda juga boleh dikongsi atau dibocorkan, walaupun ia bertujuan untuk dikongsi secara privet.



## ADAKAH IA BERHEMAH?

- Apabila anda kongsi komen atau kandungan, pertimbangkan sama ada kata-kata, nada dan sikap anda bertimbang rasa.
- Jika anda kongsi sesuatu yang menghiburkan tetapi menyakiti seseorang yang lain, anda berkemungkinan menyebabkan mudarat tanpa sengaja.
- Komen dalam talian sering kali boleh mendatangkan kesan berpanjangan setelah ia disiarkan kerana ia boleh dikongsi dalam talian dalam bentuk petikan skrin.
- Sebagai peraturan umum, jangan ucapkan sesuatu dalam talian yang anda tidak akan ucapkan kepada seseorang secara bersemuka.

#JadiBijak